

DATE: 13/3/2008

Melayu undi DAP tiada semangat kebangsaan

MELAKA 12 Mac - Generasi baru Melayu yang mengundi pembangkang terutama DAP pada pilihan raya umum Sabtu lepas tidak mempunyai semangat kebangsaan, fikiran mereka bercelaru, dan hanya terikut-ikut mahukan perubahan, kata veteran UMNO, Tan Sri Abdul Aziz Tapa hari ini.

Beliau berkata, jika mempunyai semangat kebangsaan golongan ini tentu mengundi Barisan Nasional (BN) kerana parti tulang belakang BN ialah UMNO, yang memperjuangkan nasib Melayu.

"Saya kata orang Melayu kurang berfikir, suka ikut emosi kerana pepatah Melayu ada menyebut 'bumi kelikir, langit temberang, tak baik-baik fikir jadi hamba orang', inilah kesannya," kata Aziz dalam temubual dengan *Bernama* di rumahnya di Jasin dekat sini.

Tokoh budayawan dan sejarawan berusia 84 tahun itu berkata, generasi muda ini mahukan perubahan saja tetapi mereka tidak tahu perubahan itu boleh merosakkan masa depan mereka.

"Falsafah orang Belanda: Manusia sentiasa berkehendakkan yang baru tetapi kadang kala dia terlupa yang baru itu merosakkan dia," katanya.

Pejuang kemerdekaan itu berkata, mereka tidak tahu betapa susahanya orang Melayu dahulu berjuang untuk mendapat-

um - 13/3/2008
Saya kata orang Melayu kurang berfikir, suka ikut emosi kerana pepatah Melayu ada menyebut 'bumi kelikir, langit temberang, tak baik-baik fikir jadi hamba orang', inilah kesannya

kan kemerdekaan negara daripada penjajah Inggeris tetapi mereka yang hidup senang lenang pada hari ini, cuba membiarkan hak istimewa orang Melayu terhakis.

Mengulas langkah awal kerajaan Pulau Pinang yang baru hasil gabungan DAP dan Parti Keadilan Rakyat (PKR) untuk membebaskan pentadbiran negeri itu daripada amalan Dasar Ekonomi Baru (DEB), Aziz berkata, dengan pengumuman itu, orang Melayu akan sedar kedudukan kuasa politik mereka kerana DEB yang diperkenalkan pada 1971 dan banyak membantu kehidupan mereka, akan lenyap.

Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng



ABDUL AZIZ TAPA

ABDUL AZIZ TAPA
Veteran
UMNO

dalam kenyataan pertamanya selepas mengangkat sumpah sebagai Ketua Menteri Pulau Pinang semalam mendakwa DEB adalah punca berlaku kromisme, rasuah dan pentadbiran tidak efisien.

Aziz berkata, dengan DEB sajalah orang Melayu dapat jadi pengurus melalui Mara dan sebagainya.

Katanya, tidak mustahil apa yang berlaku terhadap orang Melayu di Singapura akan berlaku kepada orang Melayu di Malaysia, jika DAP memerintah negara ini.

Menyentuh keputusan pilihan raya umum yang baru berlalu, Aziz berkata, antara faktor orang Melayu menolak BN ialah pengagihan kekayaan yang tidak sama rata.

"Isu sampingan seperti kenaikan harga minyak dan barang lain, turut mempengaruhi pengundi untuk membuat perubahan dengan memilih pembangkang," katanya. Bagi memulihkan keadaan, Aziz berkata, UMNO dan BN mesti bekerja kuat terutama jentera penerangan perlu bertindak segera menerapkan kembali semangat kebangsaan dan membetulkan pemikiran golongan muda yang bercelaru itu.

"Ketua Penerangan UMNO mesti bekerja keras masuk ke negeri-negeri sampai ke akar umbi untuk menanam semangat kebangsaan Melayu ini," katanya.

Ditanya adakah orang Melayu yang menyokong UMNO, PKR dan PAS boleh bersatu, Aziz yakin orang Melayu boleh bersatu apabila mereka terhimpit.

"Saya selalu pakai perumpamaan ini, orang Melayu air paras lutut tak apa, paras pinggang tak apa, paras dada tak apa, bila paras hidung, batang nibong dia panjang," katanya.

Sambil meminta anggota UMNO supaya mereka mesti bersemangat kebangsaan Melayu dan bekerja dengan gigih, Aziz mengunghkan pantun ini:

*Pohon nyior di tepi laut
Dimakan kumbang pucuknya layu
Kepada UMNO kita berpaut
UMNO tumbang hilang Melayu.*

- Bernama